

Mohd Ariffin bin Wook Tokoh Pertukangan Perak di Kelantan

Mohd Ariffin bin Wook, a Silver Craftsman in Kelantan

Aida Farhanah binti Zainal A'sri*
Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia

*email: Aida Farhanah binti Zainal A'sri (email: adfrhnahh2001@gmail.com)

Diterima: 15 Mac 2025; **Disemak semula:** 12 April 2025; **Diterima:** 09 Mei 2025; **Diterbitkan:** 16 Jun 2025

To cite this article (APA): Zainal A'sri, A. F. (2025). Mohd Ariffin bin Wook Tokoh Pertukangan Perak di Kelantan. *Munsyi Jurnal Pengajian Sejarah*, 3(1), 34-45. <https://doi.org/10.37134/munsyi.vol3.1.3.2025>

Abstrak

Makalah ini berkisar tentang salah seorang tokoh pertukangan perak yang terkenal di Kelantan, iaitu Encik Mohd Ariffin bin Wook. Beliau merupakan seorang tukang perak yang berpengalaman lebih empat dekad dalam bidang ini dan dikenali kerana kemahirannya menghasilkan barangan perak tradisional yang halus buatannya. Melalui kajian ini, perbincangan akan difokuskan kepada latar belakang beliau sebagai tokoh warisan, pengiktirafan yang diterima sepanjang kerjaya serta pelbagai cabaran yang telah dihadapinya dalam usaha mempertahankan seni pertukangan perak di Kelantan. Pemilihan tokoh ini dibuat berdasarkan sumbangannya yang signifikan dalam bidang pertukangan, khususnya dari segi pewarisan ilmu, pencapaian di peringkat negeri dan kebangsaan serta peranannya dalam memartabatkan seni kraf perak sebagai aset budaya yang bernilai tinggi. Pendokumentasian tokoh ini penting kerana ia memberikan gambaran yang lebih dekat terhadap realiti kehidupan seorang pengamal warisan tradisi yang masih aktif berkarya dalam suasana persekitaran yang semakin mencabar.

Kata kunci: Kraf, Kelantan, Mohd Ariffin bin Wook, Tukang Perak, Tokoh Warisan

Abstract

This article examines the life and contributions of one of Kelantan's most distinguished silvercraft masters, Mohd Ariffin bin Wook. With over four decades of professional experience, he is widely recognised for his exceptional skill in producing meticulously crafted traditional silverware. This study focuses on his background as a heritage artisan, the formal recognitions he has garnered throughout his career, and the various challenges he has confronted in his efforts to safeguard the silvercraft tradition in Kelantan. The selection of this figure is premised on his significant contributions to the craft, particularly in the transmission of specialised knowledge, his achievements at both state and national levels, and his role in elevating silvercraft as a highly valued cultural asset. The

documentation of this artisan is crucial, as it offers deeper insights into the lived realities of a traditional heritage practitioner who continues to engage actively in his craft within an increasingly demanding and evolving cultural environment.

Keywords: *Craft, Kelantan, Mohd Ariffin bin Wook, Tokoh Warisan*

Pengenalan

Tokoh penting dalam sejarah pertukangan perak di Kelantan penting untuk didokumentasikan kerana kedudukan industri tradisional tersebut yang semakin terpinggir. Selepas merdeka, Malaysia telah melalui beberapa fasa penting dalam sejarah pembangunan negara. Tempoh berkenaan telah menyaksikan perubahan besar dari segi dasar ekonomi, struktur sosial dan pembangunan luar bandar. Dasar pembangunan, perubahan dalam corak permintaan masyarakat, serta cabaran kemodenan memberi kesan langsung kepada kedudukan pertukangan perak sebagai satu industri warisan di Malaysia. Makalah ini bertujuan untuk mengetengahkan seorang tokoh penting dalam sejarah pertukangan perak iaitu Mohd Ariffin bin Wook. Peranan beliau dalam mempertahankan teknik tradisional, membina jaringan pasaran, dan melatih generasi baharu tukang perak wajar diteliti sebagai sebahagian daripada naratif pembangunan sejarah kraftangan di Kelantan.

Sejarah Ringkas Pertukangan Perak di Kelantan

Pertukangan perak merupakan salah satu cabang seni kraf tradisional yang telah lama bertapak dalam masyarakat Kelantan. Negeri ini terkenal sebagai antara pusat utama penghasilan barangan perak yang berkualiti tinggi di Semenanjung Malaysia.¹ Sejak sebelum merdeka, tukang perak di Kelantan menghasilkan pelbagai jenis barangan seperti perhiasan wanita, alat kebesaran diraja, serta peralatan adat dan keagamaan yang memperlihatkan kehalusan seni dan ketelitian kerja tangan.² Selepas kemerdekaan pada tahun 1957, perubahan dalam landskap ekonomi dan sosial turut mempengaruhi perkembangan pertukangan perak di negeri ini. Antara tahun 1957 hingga 1990, industri pertukangan perak melalui pelbagai cabaran dan perubahan termasuk kemajuan teknologi, perubahan corak permintaan, dasar kerajaan, dan kemasukan bahan mentah baru.

Seni pertukangan perak di Kelantan sangat dikenali dengan kehalusan dan ketelitian reka bentuknya.³ Ciri-ciri seperti motif bunga, daun, dan corak geometri seringkali menjadi unsur utama dalam setiap rekaan perak yang dihasilkan. Kebanyakan produk pertukangan perak yang dihasilkan di Kelantan adalah barangan hiasan dan perhiasan diri seperti gelang, cincin, dan kalung.⁴ Setiap barangan yang dihasilkan

¹ Farish, A. N., *Lost and found: The story of silver craft in Malaysia* (Kuala Lumpur: Silver Heritage Press, 2009), 22.

² Sharifah Zarina Syed Zakaria, "Seni kraf logam tradisional di Kelantan: Satu tinjauan," *Jurnal Warisan dan Tamadun Melayu*, 5(2) (2017): 34–36.

³ Rozita Shamsuddin, et al., *Kerongsang Tok – Inspirasi terkini rekaan warisan Melayu* (2022), 66.

⁴ Kraftangan Malaysia, "Profil Tukang Perak Kelantan," accessed June 4, 2025, <https://kraftangan.gov.my/en/info/master-craftsmen/allahyarham-tuan-haji-ibrahim-bin-haji-ismail>

mempunyai nilai seni dan kualiti yang tinggi, dengan setiap tukang perak memperlihatkan kemahiran tangan yang luar biasa dalam memahat dan menghasilkan barang-barang tersebut. Walau bagaimanapun, pertukangan perak di Kelantan tidak hanya terhad kepada warisan dan tradisi semata-mata. Seiring dengan perkembangan zaman, seni pertukangan perak ini turut mengalami perubahan, terutamanya dalam tempoh selepas tahun 1957 hingga 1990.

Seni pertukangan perak merupakan salah satu cabang kesenian tradisional dalam kalangan-kalangan masyarakat Melayu Kelantan. Hal ini demikian kerana, kemahiran yang diperolehi berkembang sejak zaman berzaman di mana hasil daripada pertembungan budaya dengan tamadun Hindu dan Islam. Dalam hal ini, pertembungan budaya telah membawa kepada pengaruh terhadap pertukangan logam. Sebagai contoh, emas, tembaga dan perak.⁵ Tradisi ini berkembang pesat khususnya dalam kalangan komuniti Melayu melalui keindahan seni halus serta nilai simbolik yang terkandung dalam setiap rekaan.

Secara umum, hasil pertukangan perak di Kelantan boleh dibahagikan kepada tiga jenis utama iaitu barangan kasar atau serbaguna boleh dilihat seperti pinggan mangkuk, teko, dulang, dan bekas air yang digunakan dalam majlis rasmi atau keagamaan. Barangan ini bukan sahaja berfungsi dalam kehidupan harian malah sering dijadikan hantaran dalam majlis perkahwinan. Seterusnya, barang *filigree* iaitu hasil kerja perak yang rumit dan halus biasanya dijadikan aksesori wanita seperti kerongsang, subang, cucuk sanggul, serta cenderamata eksklusif. *Filigree* merujuk kepada teknik kerja tangan yang melibatkan pemintalan dawai halus perak menjadi corak berseni.⁶ Di samping itu, barangan perhiasan ikatan permata. Jenis kraf perak yang lebih mewah dan eksklusif di mana sering dihasilkan untuk pelanggan bangsawan atau golongan elit, di mana batu permata seperti delima atau zamrud disemat pada rangka perak mengikut rekaan tradisional.

Dalam konteks Kelantan, kegiatan pertukangan perak tidak hanya tertumpu kepada pembuatan perhiasan wanita sahaja, tetapi turut merangkumi produk lain seperti peralatan adat, aksesori pakaian lelaki, serta persenjataan tradisional. Kegiatan ini telah berkembang sejak abad ke-19, khususnya di sekitar Kota Bharu dan Kampung Sireh di mana tukang-tukang perak bernaung di bawah perlindungan istana Kelantan.⁷ Setiap kategori produk ini mempunyai fungsi tersendiri dalam masyarakat Melayu tradisional dan turut mencerminkan sistem nilai serta estetika Islam Melayu yang berkembang dalam sejarah sosial masyarakat Kelantan.

Selain perhiasan, pertukangan perak juga digunakan untuk menghias persenjataan tradisional seperti keris, pedang, tombak, dan sundang. Sejak zaman pemerintahan Sultan Ahmad (1886–1889), keris yang dihias dengan ukiran perak menjadi simbol kekuasaan yang diserahkan kepada pembesar, panglima perang, dan ketua kampung.⁸ Sarung keris dan hulu keris lazim diperbuat daripada kayu kemuning atau jati dan dihias dengan perak tempaan, menonjolkan kehalusan seni serta kekayaan pemiliknya. Fungsi ini diperluas

⁵ Mohd Kassim Hj. Ali, *Barang kemas tradisional* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990), 14.

⁶ Noor Azam Haji Othman, *Kraf logam di Malaysia* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992), 67.

⁷ Muzium Negeri Kelantan, *Buku pameran kraf logam: Warisan perak Kelantan* (Kota Bharu: Muzium Negeri Kelantan, 2002), 6–9.

⁸ Jabatan Muzium, *Inventori senjata Melayu tradisional* (Kuala Lumpur: Jabatan Muzium dan Antikuiti, 1982), 42.

dalam upacara rasmi seperti pertabalan, majlis perkahwinan diraja, dan sebagai lambang kuasa dalam struktur pemerintahan tempatan.

Selepas era penjajahan British, penggunaan keris berperak mula berkurangan sebagai senjata, tetapi tetap dikekalkan dalam acara rasmi dan kebudayaan. Pada tahun 1980-an, Kraftangan Malaysia serta Jabatan Muzium dan Antikuiti mula mengkatalogkan senjata tradisional bersarung perak sebagai warisan kebangsaan.⁹ Proses penghasilan keris bersarung perak boleh mengambil masa beberapa minggu hingga berbulan, bergantung pada kerumitan motif dan nilai simbolik yang diminta oleh pelanggan. Dalam beberapa kes, penghasilan senjata sebegini dianggap sebagai cabang khusus yang memerlukan tukang berstatus tinggi, dan sering dikaitkan dengan unsur spiritual Melayu tradisional seperti pemilihan hari bertuah dan bacaan doa khusus.

Selain perhiasan dan senjata, pertukangan perak di Kelantan turut memainkan peranan besar dalam penghasilan peralatan adat yang digunakan dalam pelbagai upacara rasmi dan keagamaan. Peralatan adat merangkumi barangan seperti tepak sirih, celapa, bokor, perhiasan dulang hantaran, tempat bara kemenyan (perasapan), dan bekas air mawar. Barangan ini bukan sahaja mempunyai fungsi praktikal dalam upacara tradisional, tetapi juga melambangkan nilai simbolik, status sosial, serta susunan adat masyarakat Melayu Kelantan yang telah berakar sejak abad ke-18.¹⁰ Sejarah menunjukkan bahawa penggunaan peralatan adat berasaskan logam seperti perak dan tembaga amat menonjol dalam kalangan kerabat diraja Kelantan, terutamanya pada zaman pemerintahan Sultan Muhammad II (1837–1886).¹¹ Ketika itu, barangan seperti tepak sirih berukir dan celapa perak digunakan dalam majlis menghadap, pertunangan, dan perkahwinan, selain menjadi hadiah istiadat antara keluarga diraja dan pembesar negeri. Hiasan ukiran pada peralatan tersebut menampilkan corak flora seperti bunga teratai, awan larat dan daun sirih, yang mencerminkan nilai sopan santun, hormat-menghormati, dan keharmonian dalam masyarakat.

Penghasilan barangan perak bagi tujuan adat bukan sahaja tertumpu kepada golongan istana, malah turut digunakan dalam masyarakat umum terutama semasa zaman penjajahan British. Dalam laporan pentadbiran Kelantan tahun 1930-an, dilaporkan bahawa tukang-tukang perak di sekitar Kota Bharu dan Tumpat mendapat tempahan khusus daripada keluarga kaya dan saudagar untuk menghasilkan tepak sirih dan peralatan majlis perkahwinan.¹² Ini menunjukkan bahawa pertukangan perak telah berakar dalam struktur sosial dan ekonomi masyarakat Melayu Kelantan sebelum merdeka.

Selepas kemerdekaan 1957, penggunaan peralatan adat mula berkurang dalam kehidupan seharian akibat proses pemodenan dan urbanisasi. Namun begitu, dalam usaha memelihara warisan budaya, kerajaan menerusi agensi seperti Jabatan Muzium dan Kraftangan Malaysia mula menjalankan dokumentasi dan pembinaan semula produk adat berasaskan perak, terutamanya selepas penggubalan Dasar Kebudayaan Kebangsaan pada

⁹ Jabatan Muzium, *Inventori senjata Melayu tradisional* (Kuala Lumpur: Jabatan Muzium dan Antikuiti, 1982), 42.

¹⁰ Muzium Negeri Kelantan, *Buku Pameran Kraf Logam: Warisan Perak Kelantan* (Kota Bharu: Muzium Negeri Kelantan, 2002), 14–16.

¹¹ Wan Hashim Wan Teh, *Sejarah Sosial Kelantan* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990), 107.

¹² British Advisor in Kelantan, *Kelantan Annual Report 1935* (Kuala Lumpur: National Archives of Malaysia), 28.

tahun 1971.¹³ Dalam Rancangan Malaysia Ketiga (1976–1980), beberapa bengkel di Kelantan seperti di Kampung Morak telah dikenal pasti untuk diberi latihan dan bantuan bagi menghasilkan semula barang adat seperti bokor perak dan bekas air mawar sebagai barangan pameran, koleksi muzium, dan cenderamata rasmi kerajaan negeri.¹⁴

Kini, walaupun penggunaannya telah banyak berkurang, peralatan adat berasaskan perak masih digunakan dalam majlis rasmi seperti penyampaian anugerah, pertunangan diraja, atau sebagai perhiasan simbolik dalam festival kebudayaan. Justeru, peralatan adat berasaskan perak bukan sahaja menggambarkan estetika Melayu-Islam, tetapi juga merupakan peninggalan sejarah yang mencerminkan susur galur adat dan struktur sosial masyarakat Kelantan sejak zaman tradisional hingga ke era pascakolonial.

Kebangkitan semula industri ini benar-benar berlaku selepas kemerdekaan Tanah Melayu pada 1957, apabila tokoh seperti Encik Alias dan Encik Sulaiman memperluaskan kemahiran ke kampung-kampung lain menjadikan Kelantan terkenal semula sebagai pusat utama pertukangan perak. Dalam tempoh ini, reka bentuk lebih stabil dan cenderung kepada ciri-ciri tradisional Melayu seperti motif flora dan kerawang awan larat.

Dalam tempoh awal pasca-kemerdekaan, khususnya antara tahun 1957 hingga 1970, pertukangan perak di Kelantan kekal sebagai aktiviti ekonomi berasaskan sistem kekeluargaan dan komuniti kampung. Kegiatan ini menjadi sebahagian daripada cara hidup masyarakat Melayu yang menyanjung tinggi kemahiran tangan serta memelihara seni warisan sebagai lambang status dan nilai estetika Islam.¹⁵ Bengkel kecil yang kebanyakannya terletak di kawasan seperti Kampung Sireh, Kampung Badang, Kampung Raja, dan Kota Bharu beroperasi di bawah pengawasan ketua keluarga, di mana ilmu pertukangan diturunkan secara langsung kepada anak-anak lelaki melalui pembelajaran tidak formal.¹⁶

Proses pembelajaran biasanya bermula sejak usia remaja, dengan latihan harian melibatkan pengendalian alatan asas seperti tukul, penukul getah, dan alatan ukiran tangan.¹⁷ Produk yang dihasilkan dalam tempoh ini sangat terikat dengan keperluan adat dan budaya setempat. Barang perak seperti pending, kerongsang, belti perut, timbangan emas, talam hidang, dan tepak sirih lazim digunakan dalam majlis perkahwinan, pertunangan, atau sebagai hantaran.¹⁸

Barang-barang ini juga menjadi simbol kekayaan dan warisan keluarga, khususnya dalam kalangan golongan bangsawan dan pedagang Melayu.¹⁹ Dari segi teknik, tukang perak Kelantan menggunakan kaedah tradisional seperti teknik casting lilin (*lost wax*),

¹³ Dasar Kebudayaan Kebangsaan 1971 (Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, 1971), 11.

¹⁴ Rancangan Malaysia Ketiga, 1976–1980 (Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri, 1976), 161.

¹⁵ Wan Hashim Wan Teh, Kemajuan Ekonomi dan Perubahan Sosial di Kelantan (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1983), 95–97.

¹⁶ Mokhtar Saidin, Warisan Kerajinan Logam Melayu (Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia, 1990), 43.

¹⁷ Baharuddin Zainal, “Kerajinan Perak Tradisional di Pantai Timur,” Jurnal Warisan Melayu, 3(1) (1972): 11.

¹⁸ Jabatan Muzium Malaysia, Inventori Barang Kemas Tradisional Melayu (Kuala Lumpur: Jabatan Muzium dan Antikuiti, 1975), 28–30.

¹⁹ Mohd. Taib Osman, Malay Folk Beliefs and Customs (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1989), 119.

tumbukan dan ukiran tangan, serta *soldering* api terbuka.²⁰ Kemahiran ini menuntut ketelitian yang tinggi kerana proses pembuatan boleh mengambil masa berminggu-minggu bergantung kepada rekaan. Motif ukiran pada waktu ini biasanya berasaskan flora seperti pucuk rebung, bunga tanjung dan awan larat.²¹

Tambahan pula, elemen penting dalam seni Melayu-Islam yang menolak representasi manusia secara langsung.²² Namun, dalam tempoh ini, kegiatan pertukangan tidak menikmati sebarang bentuk sokongan rasmi daripada kerajaan negeri atau pusat. Industri perak dianggap sebagai kegiatan sara diri atau hobi komersial berskala kecil.²³ Kekurangan bahan mentah seperti perak tulen juga menjadi cabaran utama kerana bekalan banyak bergantung kepada peniaga luar atau dikitar semula daripada barang lama.²⁴ Tambahan pula, teknik pembuatan yang lambat dan memerlukan masa panjang menyebabkan pertukangan tidak mampu bersaing dengan produk logam yang diimport dari luar, khususnya dari Thailand.²⁵

Walaupun begitu, pertukangan perak kekal relevan dalam masyarakat Kelantan kerana ikatan kuat kepada adat dan sistem nilai kampung. Kegiatan ini bukan sahaja menyumbang kepada pendapatan sampingan isi rumah tetapi juga berfungsi sebagai mekanisme pewarisan identiti budaya.²⁶ Selain itu, hubungan erat antara tukang perak dan masyarakat setempat memperkuat kedudukan sosial mereka sebagai penjaga warisan seni.²⁷

Ringkasnya, latar belakang sejarah pertukangan perak di Kelantan yang bermula sejak zaman awal perkembangan negeri ini sebagai pusat perdagangan dan budaya di pantai timur Semenanjung Tanah Melayu. Ia pada mulanya banyak dicorakkan oleh pengaruh luar yang dibawa oleh pedagang serta perkembangan industri ini dalam konteks sejarah Kelantan. Penjelasan juga menyoroti peranan pertukangan perak sebagai salah satu aspek penting dalam kehidupan masyarakat Kelantan yang turut mencerminkan perubahan sosioekonomi dan politik negeri ini sepanjang zaman.

Latar Belakang Tokoh

Encik Mohd Ariffin bin Wook atau lebih dikenali sebagai Pokwi dalam kalangan masyarakat setempat, dilahirkan pada 16 November 1949 di Kampung Paloh, sebuah perkampungan tradisional yang terletak dalam daerah Tumpat, Kelantan.²⁸

²⁰ Norsalmiah Bakar, "Motif Ukiran Perak di Negeri Kelantan" (Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian, Universiti Malaysia Sarawak, 2012), 14–16.

²¹ Jabatan Muzium dan Antikuiti Malaysia, Laporan Kajian Kesenian Pertukangan Logam Tradisional di Kelantan (Kuala Lumpur: Jabatan Muzium dan Antikuiti, 1985), 27.

²² Farish A. Noor, *Spirit of Wood: The Art of Malay Woodcarving* (Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia, 1999), 66.

²³ Abd. Rahim Said, "Industri Kecil di Kelantan: Kajian Kes Pertukangan Perak", *Jurnal Ekonomi Malaysia* 15 (1987): 88–89.

²⁴ Zulkifli Jaafar, *Kraf Tradisional Kelantan* (Kota Bharu: Pustaka Aman Press, 1981), 51.

²⁵ Che Embong Mohd. Noor, "Kesan Perdagangan Serantau terhadap Industri Kraf Logam di Pantai Timur", *Kajian Malaysia* 4, no. 2 (1986): 29

²⁶ Nurul Azlina Abd. Aziz, "Kelangsungan Seni Logam Melayu", *Jurnal Warisan Seni* 6 (2002): 22–24

²⁷ Nik Hassan Shuhaimi Nik Abd Rahman, *Warisan Kesultanan Melayu Kelantan* (Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, 1995), 87

²⁸ Mohd Ariffin bin Wook, Tembual oleh Penulis, 23 Disember 2024, Tumpat Kelantan

Beliau merupakan anak ketiga daripada enam orang adik-beradik dalam sebuah keluarga yang menjalani kehidupan sederhana di Kampung Paloh. Walaupun tidak berasal daripada latar belakang keluarga tukang perak, sejak zaman remajanya beliau telah menunjukkan minat yang mendalam terhadap seni pertukangan logam. Dalam masyarakat kampung ketika itu, kemahiran tangan seperti pertukangan merupakan salah satu sumber ekonomi dan warisan budaya yang masih dipelihara oleh generasi lama. Keadaan ini secara tidak langsung memberi pendedahan kepada golongan muda seperti beliau terhadap keindahan seni kraf walaupun tanpa sokongan formal. Kawasan ini sejak dahulu terkenal sebagai salah satu penempatan yang mengekalkan warisan budaya Melayu Kelantan termasuk dalam bidang pertukangan tangan seperti perak, emas, dan tembaga. Kehidupan masyarakat kampung yang bergantung kepada kemahiran tangan untuk menjana pendapatan juga menjadi latar yang subur untuk melahirkan tokoh kraf seperti Pokwi.

Dari segi pendidikan, Pokwi mendapat pendidikan asas di sekolah rendah sahaja, namun tidak melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi.²⁹ Walaupun demikian, beliau memiliki semangat ingin belajar yang tinggi dan menimba ilmu pertukangan melalui pemerhatian serta tunjuk ajar tukang-tukang tempatan. Selepas menamatkan pendidikan formal di peringkat rendah, Encik Mohd Ariffin memilih untuk meneruskan minat dalam bidang pertukangan perak secara sepenuh masa.³⁰ Minat beliau terhadap seni pertukangan logam tercetus ketika usia belasan tahun apabila sering melihat hasil kerja perak dipamerkan dalam majlis adat, kenduri perkahwinan, dan pameran komuniti. Keinginan untuk mengetahui cara penghasilan objek yang rumit dan cantik seperti kerongsang, cucuk sanggul dan pending telah menyemarakkan rasa ingin tahu yang akhirnya membawa beliau menceburi bidang ini secara serius. Beliau telah berguru dengan Ali Ibrahim di Kg Paloh selama tiga tahun.³¹

Dalam pada itu, beliau juga turut belajar secara tidak formal melalui sistem 'bertalaqqi', iaitu belajar secara langsung dengan tukang berpengalaman melalui pemerhatian dan amalan. Proses pembelajaran bukan sekadar tertumpu kepada teknik, malah melibatkan pemahaman mendalam tentang falsafah seni Melayu serta kaitannya dengan alam dan budaya tempatan.³² Ini termasuk penggunaan motif tumbuhan, bentuk awan, dan simbolik dalam setiap ukiran. Antara teknik yang dikuasai termasuklah ukiran tangan, penyolderan halus, dan kemasan motif flora serta geometri yang lazim dalam seni logam Melayu.

Selama hampir tiga tahun, beliau menumpukan sepenuh masa di bengkel gurunya. Dalam tempoh ini, beliau bukan sahaja menjalani latihan praktikal, malah membentuk disiplin kerja, ketekunan dan pemahaman terhadap teknik asas pertukangan perak. Kesungguhan beliau dalam mendalami seni ini tidak terhenti di satu tempat. Pada waktu lapang, beliau juga sering melawat bengkel tukang lain di Kota Bharu bagi menambah pengalaman dan mengenal variasi gaya serta corak ukiran yang berbeza.³³ Dari situ, beliau mula mengenal motif awan larat, pucuk rebung, bunga cengkih dan geometrik Melayu yang menjadi asas kepada reka bentuk kraf logam di Kelantan. Kesemua motif ini bukan sahaja berfungsi sebagai elemen hiasan, tetapi turut membawa makna simbolik yang

²⁹ Mohd Ariffin bin Wook, Tembual oleh Penulis, 23 Disember 2024, Tumpat Kelantan

³⁰ Ibid

³¹ Mohd Ariffin bin Wook, Tembual oleh Penulis, 9 Januari 2025, Tumpat Kelantan

³² Ibid

³³ Ibid

mendalam dalam konteks budaya Melayu. Kefahaman terhadap motif ini menjadi asas penting dalam pembentukan identiti karya beliau yang kemudiannya dikenali dengan sentuhan estetik tempatan yang unik.³⁴

Pada waktu itu, pertukangan perak masih dianggap industri kecil kampung, namun permintaannya tinggi terutamanya dalam kalangan golongan bangsawan, kerabat diraja dan orang berada yang menggemari aksesori perak berkualiti tinggi. Produk perak bukan sahaja digunakan dalam kehidupan harian tetapi turut menjadi sebahagian daripada simbol prestij.³⁵

Pada akhir tahun 1970-an, beliau mula menghasilkan reka bentuk sendiri dan menerima tempahan khas daripada pelanggan termasuk kerabat diraja Kelantan. Produk awalnya terdiri daripada kerongsang, hiasan kepala, dan cucuk sanggul.³⁶ Karyanya menonjol kerana mengekalkan prinsip rekaan tradisional tetapi pada masa yang sama diolah dengan ketelitian dan simetri yang tinggi. Beliau juga mula mencipta motif sendiri berdasarkan interpretasi terhadap flora kampung seperti bunga tanjung dan paku pakis. Dalam beberapa kes, beliau turut menyesuaikan reka bentuk dengan permintaan pelanggan tertentu, menjadikan setiap hasil kerja sebagai satu bentuk kraf eksklusif.³⁷

Ketekunan dan minat yang mendalam terhadap seni pertukangan telah menjadikan Encik Mohd Ariffin sebagai salah seorang tokoh yang disegani dalam kalangan penggiat kraf logam di Kelantan.³⁸ Selain menghasilkan karya yang bernilai tinggi, beliau juga terlibat dalam pelbagai pameran dan program anjuran agensi kerajaan seperti Kraftangan Malaysia dan Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara. Sumbangan beliau telah mendapat perhatian pelbagai pihak dan membolehkan beliau menjadi sumber rujukan dalam usaha pemeliharaan warisan pertukangan perak tradisional di Malaysia.

Pengiktirafan dan Sumbangan

Encik Mohd Ariffin bin Wook ialah salah seorang tokoh terkemuka dalam bidang pertukangan perak di Kelantan dan telah diberi pengiktirafan tertinggi oleh Kraftangan Malaysia apabila beliau dianugerahkan gelaran Adiguru Kraf dalam kategori pertukangan perak.³⁹ Anugerah ini diberikan kepada individu yang mempunyai tahap berkemahiran, berpengalaman luas dalam bidang kraf tradisional, serta menunjukkan komitmen berterusan terhadap pemeliharaan dan penyebaran ilmu berkaitan kraf warisan Melayu. Anugerah tersebut bukan sahaja mengangkat martabat beliau secara peribadi, tetapi juga membuktikan bahawa seni pertukangan logam tradisional masih mempunyai nilai tinggi dalam konteks warisan kebudayaan kebangsaan.

Sepanjang lebih lima dekad bergiat aktif dalam dunia pertukangan perak, Encik Mohd Ariffin bin Wook telah menerima pelbagai bentuk pengiktirafan hasil sumbangan beliau dalam mengekalkan kelangsungan seni pertukangan logam tradisional di Kelantan.

³⁴ Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia, *Motif Tradisional dalam Rekaan Kraf Logam Melayu*, Kuala Lumpur: PKKM, 1986, 18

³⁵ Mohd Ariffin bin Wook, Tembual oleh Penulis, 9 Januari 2025, Tumpat Kelantan

³⁶ Ibid

³⁷ Ibid

³⁸ Ibid

³⁹ Ibid

Keunikan hasil kerja beliau, khususnya dari segi penggunaan motif flora dan olahan awan larat tunggal, menjadikan karya beliau menonjol dalam kalangan penggiat kraf logam di Malaysia.⁴⁰

Kehalusan dan ketelitian hasil krafnya mendapat perhatian daripada pelbagai pihak termasuk penggiat seni, agensi kerajaan, dan organisasi bukan kerajaan yang menumpukan kepada pemeliharaan warisan budaya. Salah satu bentuk pengiktirafan rasmi terhadap sumbangan beliau ialah Anugerah Sanggar Mestika yang diterima pada tahun 2020.⁴¹

Anugerah ini dianjurkan oleh Malaysia Craft Council untuk menghargai penggiat kraf yang menunjukkan pencapaian luar biasa dalam pemeliharaan dan pembangunan seni kraf warisan. Pemilihan penerima anugerah ini melalui proses saringan ketat yang menilai bukan sahaja kemahiran teknikal, tetapi juga aspek pemindahan ilmu, inovasi dalam reka bentuk, serta komitmen dalam mempertahankan nilai budaya dalam setiap penghasilan kraf. Penganugerahan ini meletakkan beliau dalam kalangan tokoh terkemuka seni kraf negara, setanding dengan penerima terdahulu yang terdiri daripada Adiguru dan penggiat kraf tersohor. Selain pengiktirafan rasmi, nama beliau sering disebut dalam forum-forum seni kraf dan menjadi subjek kepada beberapa penyelidikan dan dokumentari mengenai kraf logam Melayu.⁴²

Produk ciptaan beliau seperti tepak sirih perak, kerongsang tradisional, dan batil bunga telur sering dipamerkan dalam acara seperti Hari Kraf Kebangsaan, pameran anjuran Kraftangan Malaysia, serta festival seni kraf peringkat ASEAN.⁴³ Penyertaan dalam pameran tersebut bukan sahaja mempromosikan hasil kerja beliau, malah mengangkat imej kraf logam Kelantan sebagai seni warisan yang masih relevan dalam era moden.

Sumbangan besar Encik Mohd Ariffin turut dilihat dalam aspek pemindahan ilmu dan pewarisan kemahiran kepada generasi pelapis. Beliau sering menerima pelatih dan pembantu muda di bengkel beliau di Tumpat, di mana beliau membimbing mereka bukan sahaja dari segi kemahiran tangan tetapi juga nilai dan falsafah kerja kraf.⁴⁴

Menurut Encik Adnan bin Jusoh iaitu pelatih, pendekatan beliau bersifat menyeluruh, merangkumi pengetahuan tentang bahan mentah, sejarah reka bentuk, serta teknik pertukangan yang kompleks seperti pahat pasir, tebuk tembus, dan spinning. Selain itu, beliau juga dijemput oleh pelbagai institusi seperti Kraftangan Malaysia dan Jabatan Warisan Negara untuk memberikan demonstrasi dan ceramah bengkel.⁴⁵

Melalui program-program ini, beliau bukan sahaja menyampaikan kemahiran, tetapi turut menyumbang kepada dokumentasi ilmu pertukangan yang semakin terancam kepupusannya. Kehadiran beliau dalam arena ini membantu menyuburkan kembali minat generasi muda terhadap seni kraf perak yang dianggap sebagai bidang tradisional yang semakin dipinggirkan.

Antara pencapaian yang membuktikan reputasi tinggi beliau dalam dunia pertukangan perak ialah kepercayaan yang diberikan oleh kerabat diraja Malaysia. Pada

⁴⁰ Mohd Ariffin bin Wook, "Muzium Maya Kraftangan, <https://mycraftmuseum.com/portfolio/mohd-ariffin-bin-wook/>, diakses 8 Mei 2025,

⁴¹ Mohd Ariffin bin Wook, temu bual

⁴² Mohd Ariffin bin Wook, tukang perak, temu bual oleh penulis, 23 Disember 2024, Kampung Morak, Tumpat.

⁴³ Ibid

⁴⁴ Ibid

⁴⁵ Ibid

tahun 2019, beliau menerima tempahan khas daripada Raja Permaisuri Agong, Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah untuk menghasilkan tiga unit mangkuk tingkat berasaskan perak.⁴⁶ Tempahan ini adalah sebahagian daripada inisiatif Seri Paduka untuk mengangkat kraf tangan tempatan melalui program Diraja yang menumpukan kepada produk warisan negara. Menurut beliau, tempahan tersebut merupakan satu bentuk penghargaan tertinggi dalam kerjayanya kerana membabitkan pemilihan terus daripada istana tanpa melalui orang tengah.

Selain tempahan rasmi, beliau juga kerap terlibat dalam pameran besar seperti Pameran Hari Kraf Kebangsaan di Kompleks Kraf Kuala Lumpur serta beberapa ekspo luar negara seperti di Brunei dan Indonesia.⁴⁷ Melalui penyertaan ini, beliau membawa hasil karya asli yang mengekalkan motif tradisional Kelantan seperti awan larat, pucuk rebung dan bunga tanjung, sekali gus menjadi duta seni tidak rasmi untuk Malaysia dalam bidang pertukangan logam.⁴⁸

Pengiktirafan terhadap beliau juga hadir melalui permintaan tinggi terhadap hasil kerja tangannya dari kalangan peminat seni dan kolektor dalam dan luar negara. Produk beliau sering dijadikan hadiah kenamaan, cenderamata rasmi dan koleksi peribadi berstatus tinggi.⁴⁹ Walaupun permintaan meningkat, beliau tetap mengekalkan prinsip untuk tidak mengkomersialkan kraf dengan cara yang mengorbankan nilai estetik dan keaslian teknik pertukangan tradisional. Falsafah kerja beliau berteraskan prinsip bahawa setiap hasil seni mesti membawa cerita dan roh budaya, bukan sekadar objek fizikal yang indah.

Dalam konteks kebudayaan, Encik Mohd Ariffin juga menyumbang kepada penghasilan semula reka bentuk kraf logam yang hampir pupus. Beliau banyak merujuk kepada koleksi lama, termasuk bahan rujukan muzium dan koleksi keluarga diraja, untuk memastikan kesinambungan gaya lama dapat dikekalkan dalam produk baharu. Sumbangan seperti ini sangat penting dalam memastikan warisan visual dan simbolik masyarakat Melayu tidak lenyap ditelan masa. Secara keseluruhannya, pengiktirafan yang diterima oleh Encik Mohd Ariffin bin Wook adalah hasil daripada dedikasi dan komitmen beliau terhadap seni pertukangan perak sebagai satu warisan budaya yang hidup.⁵⁰

Sumbangan beliau tidak terhad kepada penghasilan karya seni semata-mata, tetapi turut mencakupi aspek pendidikan, pendokumentasian dan pengembangan seni kraf di peringkat negeri dan kebangsaan. Keperibadian beliau yang rendah hati tetapi berprinsip telah meletakkan beliau sebagai tokoh penting dalam ekosistem kraf Malaysia, sekali gus menjadi sumber inspirasi kepada penggiat kraf muda yang ingin meneruskan perjuangan dalam bidang seni warisan.

Selain menghasilkan produk berkualiti tinggi, Encik Mohd Ariffin bin Wook turut memainkan peranan penting dalam memelihara warisan kraf melalui pendidikan dan latihan. Beliau sering dijemput sebagai tenaga pengajar, demonstrator, dan panel dalam pelbagai program latihan dan seminar anjuran agensi kerajaan seperti Kraftangan Malaysia, Institut Kraf Negara (IKN), dan Jabatan Warisan Negara.⁵¹

⁴⁶ Ibid

⁴⁷ Mohd Ariffin bin Wook, tukang perak, temu bual oleh penulis, 9 Januari 2025, Kampung Morak, Tumpat.

⁴⁸ Mohd Ariffin bin Wook, tukang perak, temu bual oleh penulis, 23 Disember 2024, Kampung Morak, Tumpat.

⁴⁹ Ibid

⁵⁰ Mohd Ariffin bin Wook, tukang perak, temu bual oleh penulis, 9 Januari 2025, Kampung Morak, Tumpat.

⁵¹ Mohd Ariffin bin Wook, tukang perak, temu bual oleh penulis, 9 Januari 2025, Kampung Morak, Tumpat

Beliau telah melatih puluhan pelatih muda, termasuk pelajar institusi pendidikan tinggi serta pengusaha kecil tempatan yang berminat mendalami kemahiran pembuatan kraf logam. Melalui kaedah tunjuk ajar secara praktikal, beliau berjaya mengekalkan pendekatan tradisional dalam penghasilan produk perak yang berasaskan nilai budaya dan falsafah Melayu.

Dalam beberapa temu bual yang dijalankan, beliau menyatakan bahawa penghargaan dan sokongan masyarakat serta pihak berkuasa amat penting bagi kelangsungan seni ini. Beliau menegaskan bahawa pengiktirafan bukan sekadar bersifat simbolik, sebaliknya menjadi pemangkin kepada kesedaran awam tentang pentingnya memelihara ilmu ketukangan tradisional yang semakin terpinggir. Dengan rekod pengalaman melebihi 50 tahun dalam bidang pertukangan logam, Encik Mohd Ariffin bin Wook bukan sekadar seorang pengusaha kraf, tetapi juga penjaga warisan budaya yang aktif memperjuangkan kelestarian seni Melayu melalui pendidikan, latihan dan amalan ketukangan berkualiti tinggi. Ketokohan beliau wajar dijadikan contoh oleh generasi muda serta dijadikan model dalam dasar pembangunan kraf negara.

Penutup

Mohd Ariffin bin Wook, seorang tokoh pertukangan perak yang disegani di negeri Kelantan. Perjalanan beliau sebagai tukang perak menunjukkan keupayaan luar biasa dalam menggabungkan nilai tradisi dengan keperluan semasa. Hasil kerjanya yang berkualiti tinggi bukan sahaja mendapat tempat dalam kalangan pelanggan biasa, bahkan turut menerima tempahan daripada kerabat diraja Kelantan. Malah, beliau juga telah berjaya mencipta identiti tersendiri dalam dunia pertukangan logam, terutamanya melalui penggunaan motif tempatan seperti awan larat, pucuk rebung dan bentuk geometrik Islamik. Usaha beliau dalam mengekalkan keaslian seni perak tradisional turut diiktiraf melalui pelbagai anugerah, termasuk pengiktirafan sebagai Adiguru Kraf Negara.

Secara keseluruhannya, kisah hidup dan pencapaian Encik Mohd Ariffin bin Wook memperlihatkan bahawa pertukangan perak bukan sekadar aktiviti ekonomi, tetapi merupakan cerminan jati diri, kehalusan budaya dan keteguhan warisan Melayu Kelantan.

Dalam konteks kajian ini, tokoh seperti beliau memainkan peranan penting dalam memastikan kesinambungan nilai seni tradisional terus dipertahan dan diwarisi oleh generasi akan datang.

Penghargaan

Penulis ingin merakamkan penghargaan kepada Encik Ariffin bin Wook dan keluarga atas kerjasama dan perkongsian maklumat sepanjang kajian ini dijalankan.

Rujukan

- Abd. Rahim Said. 1987. "Industri Kecil di Kelantan: Kajian Kes Pertukangan Perak." *Jurnal Ekonomi Malaysia*, 15: 88–89.
- Baharuddin Zainal. 1972. "Kerajinan Perak Tradisional di Pantai Timur." *Jurnal Warisan Melayu*, 3(1): 11.
- Che Embong Mohd. Noor. 1986. "Kesan Perdagangan Serantau terhadap Industri Kraf Logam di Pantai Timur." *Kajian Malaysia*, 4(2): 29.
- Nurul Azlina Abd. Aziz. 2002. "Kelangsungan Seni Logam Melayu." *Jurnal Warisan Seni*, 6: 22–24.
- Sharifah Zarina Syed Zakaria. 2017. "Seni Kraf Logam Tradisional di Kelantan: Satu Tinjauan." *Jurnal Warisan dan Tamadun Melayu*, 5(2): 34–36.
- Farish A. Noor. 1999. *Spirit of Wood: The Art of Malay Woodcarving*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Farish A. Noor. 2009. *Lost and Found: The Story of Silver Craft in Malaysia*. Kuala Lumpur: Silver Heritage Press.
- Jabatan Muzium. 1982. *Inventori Senjata Melayu Tradisional*. Kuala Lumpur: Jabatan Muzium dan Antikuiti.
- Mohd Kassim Hj. Ali. 1990. *Barang Kemas Tradisional*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Taib Osman. 1989. *Malay Folk Beliefs and Customs*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mokhtar Saidin. 1990. *Warisan Kerajinan Logam Melayu*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Muzium Negeri Kelantan. 2002. *Buku Pameran Kraf Logam: Warisan Perak Kelantan*. Kota Bharu: Muzium Negeri Kelantan.
- Nik Hassan Shuhaimi Nik Abd Rahman. 1995. *Warisan Kesultanan Melayu Kelantan*. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.
- Noor Azam Haji Othman. 1992. *Kraf Logam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia. 1986. *Motif Tradisional dalam Rekaan Kraf Logam Melayu*. Kuala Lumpur: PKKM.
- Wan Hashim Wan Teh. 1983. *Kemajuan Ekonomi dan Perubahan Sosial di Kelantan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wan Hashim Wan Teh. 1990. *Sejarah Sosial Kelantan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zulkifli Jaafar. 1981. *Kraf Tradisional Kelantan*. Kota Bharu: Pustaka Aman Press.
- Kraftangan Malaysia. (2025). "Profil Tukang Perak Kelantan." Retrieved June 4, 2025, from kraftangan.gov.my/en/info/master-craftsmen/allahyarham-tuan-haji-ibrahim-bin-haji-ismail
- Mohd Ariffin bin Wook. (n.d.). "Muzium Maya Kraftangan." Retrieved May 8, 2025, from mycraftmuseum.com/portfolio/mohd-ariffin-bin-wook
- British Advisor in Kelantan. *Kelantan Annual Report 1935*. Kuala Lumpur: National Archives of Malaysia.
- Dasar Kebudayaan Kebangsaan 1971. Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.
- Jabatan Muzium dan Antikuiti Malaysia. 1985. *Laporan Kajian Kesenian Pertukangan Logam Tradisional di Kelantan*. Kuala Lumpur: Jabatan Muzium dan Antikuiti.
- Jabatan Muzium Malaysia. 1975. *Inventori Barang Kemas Tradisional Melayu*. Kuala Lumpur: Jabatan Muzium dan Antikuiti.
- Rancangan Malaysia Ketiga, 1976–1980. Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri, 1976.
- Norsalmiah Bakar. 2012. "Motif Ukiran Perak di Negeri Kelantan." (Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian, Universiti Malaysia Sarawak), 14–16.